

23 FEB 1996

UMNO MELAKA TAK JEMPUT "ORANG LUAR" UNTUK SAMBUTAN ULANGTAHUN UMNO
KE-50

MELAKA, 23 Feb (Bernama) -- Badan Perhubungan UMNO Melaka tidak akan menjemput "orang luar" untuk menghadiri sambutan ulang tahun UMNO ke-50 pada peringkat negeri Mei ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohamad Zin Abdul Ghani yang juga pengerusi badan itu hari ini berkata langkah itu bagi mengelakkan sebarang kegiatan berkempen oleh calon-calon bagi merebut jawatan pada Mesyuarat Majlis Tertinggi akan datang.

"Kita akan tumpukan pada peringkat negeri saja tanpa melibatkan orang luar," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjung hormat rombongan perdagangan Persatuan Cina Seberang Laut Guangzhou, di sini.

Beliau berkata demikian berikutan kenyataan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya calon-calon yang akan bertanding tidak menggunakan sambutan itu sebagai satu cara untuk berkempen.

Katanya saranan Anwar bertepatan dengan arahan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya anggota UMNO tidak berkempen terlalu awal bagi mengelakkan timbulnya masalah dalam parti.

Mohamad Zin berkata setakat ini beliau tidak menerima sebarang jemputan daripada negeri-negeri untuk menghadiri sambutan itu pada peringkat negeri dan keadaan itu dirasakan wajar.

Beliau juga berkata UMNO Melaka menyambut baik kehadiran parti-parti pembangkang pada sambutan ulang tahun itu kerana ada di antara ahli-ahli parti pembangkang itu sebelum ini adalah juga ahli UMNO.

"Kehadiran mereka dialu-alukan kerana UMNO bukan kepunyaan ahli-ahli UMNO sahaja sebaliknya kepunyaan semua orang Melayu dan sebahagian daripada mereka pernah menjadi ahli UMNO sebelum ini," katanya.

Katanya Badan Perhubungan tidak akan mengedarkan surat jemputan rasmi kepada individu sebaliknya membuat jemputan secara umum.

Di KOTA BAHARU, Parti Melayu Semangat 46 (S46) mahu menjadikan perhimpunan Hari Ulang Tahun UMNO yang ke 50 sebagai hari perpaduan bagi orang Melayu dari pelbagai parti politik di negara ini.

Pengerusi Badan Perhubungan S46 Kelantan, Datuk Rozali Isohak mahukan UMNO menerima cadangan S46 untuk turut serta di samping berharap sekutunya dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU) terutama PAS juga ikut sama.

Bercakap kepada pemberita di kediamannya di sini hari ini Rozali berkata, penyertaan S46 dan PAS penting kerana ia berasal dari rumpun yang sama iaitu UMNO.

"Jika semua parti politik Melayu dapat dihimpunkan pada hari itu ia sungguh bermakna bagi orang Melayu bagi membincangkan masa depan orang Melayu di negara ini," katanya.-- BERNAMA

NS WM MAI